Keluar awal 19 November

Liputan semasa PRU15
www.selangorkini.my

selangorkini

PERCUMA | PP 19570/07/2020 (035196) | EDISI 17 - 23 NOVEMBER 2022 | www.selangorkini.my

Menang Selangor, menuju Putrajaya

MUKA 6

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama anak muda di Karnival Penggerak Belia Selangor di Sri Gombak, Gombak pada 13 November 2022. Pekerja e-panggilan menerima manfaat Skim Insurans Am Selangor (INSAN) RM10,000 dan bantuan RM550 seorang termasuk caruman KWSP RM50. Foto HAFIZ OTHMAN

pancawarna

Milik siapa kerusi Parlimen Gombak?

Pensyarah terkenal pilih Amirudin atau Azmin

9

Menuju garis akhir tarik sokongan ramai

Calon giat bertemu orang ramai bagi raih undi

10-15



Wawasan majukan dua kerusi panas

Calon Gombak dan Ampang bentang tekad lima tahun

16

Pusat undi tutup jam 2 dan 4 petang

SHAH ALAM - Empat pusat pembuangan undi di Selangor hanya beroperasi hingga jam 2 petang manakala tiga lagi setakat pukul 4 petang, menurut Suruhanjaya Pilihan Raya.

Proses bermula jam 8 pagi di Sekolah Kebangsaan Seri Cempaka, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Bukit Fraser, balai raya Lubuk Jaya dan SJK (Tamil) Ladang Bukit Ijok berakhir jam 2 petang.

SJK (Tamil) Ladang Sabak Bernam, Sekolah Kebangsaan Seri Gambut Tanjong Karang, SJK (Tamil) Ladang Mary dan SJK (Tamil) Selangor River antara jam 8 pagi hingga 4 petang.

Justeru, orang ramai disaran keluar awal untuk membuang undi bagi mengelakkan sebarang masalah sekali gus hilang peluang melaksanakan tanggungjawab itu.

Susun semula sistem pendidikan

GOMBAK - Membantu menyusun semula pengisian sistem pendidikan yang lintang-pukang antara fokus utama Dato' Seri Amirudin Shari jika dipilih ke Dewan Rakyat.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak yang memegang portfolio pendidikan Kerajaan Negeri itu berkata ramai murid terjejas kerana perubahan yang kerap dibuat kementerian terbabit.

"Ia bukan hanya soal bangunan sekolah tetapi pengisiaannya yang falsafahnya lintang-pukang, kelam kabut, sekejap hendak kemahiran berfikir aras tinggi kemudian hendak tengok pencapaian bukan peperiksaan tetapi tekan murid.

"Ini cabaran yang saya akan suarakan dan bantu tidak kira sama ada jadi ahli parlimen biasa atau sebaliknya," katanya pada 11 November.

Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar berkata beliau memilih tema pendidikan untuk diperjuangkan kerana percaya kehidupan seseorang itu mampu menjadi lebih baik menerusinya.

Guna pengalaman selesai isu tanah

GOMBAK - Dato' Seri Amirudin Shari akan menggunakan pengalamannya untuk menyelesaikan isu pemilikan tanah yang dihadapi 60 keluarga di Kampung Indian Settlement Batu 8 di sini.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak itu pernah menyelesaikan isu sama di Batu Caves selaku Dato' Menteri Besar dan Ahli Dewan Negeri Sungai Tua.

"Kita boleh merancang kembali di mana tapak sesuai untuk bina dan paling tidak, penduduk sini dapat hak duduki tanah mereka," katanya selepas menyertai majlis bersama penduduk kawasan itu pada 12 November.

"Kalau betul-betul ada perancangan, kita boleh alihkan (penduduk) ke tanah lain seperti di Kampung Indian Settlement Batu Caves. Kita selesai 77 tapak dan lebih 50 di Kampung Batu Arang," katanya.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri juga akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan selaku pemilik tanah yang difahamkan belum mempunyai dana melaksanakan projek pembinaan sekolah.

Tawar 10,000 peranti

Teruja bantuan komputer riba

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

GOMBAK - Pelajar sekitar Parlimen Gombak yang tiada peranti teruja dengan tawaran 10,000 komputer riba untuk pendidikan dan keusahawanan yang ditawarkan Dato' Seri Amirudin Shari.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gombak Setia M Khosalya, 15, mengakui beliau antara ribuan pelajar yang ketinggalan kerana tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan.

"Waktu itu terpaksa kongsi telefon dengan adik-beradik lain, sukar untuk belajar. Saya gembira dapat tahu beliau (Amirudin) hendak beri 10,000 komputer riba kepada pelajar," katanya.

Pelajar SMK Sungai Pusu Ahmad Najmi Ahmad Masdi, 16, turut menyambut baik tawaran tersebut kerana ia membantu meningkatkan tahap pendidikan mereka.

"Sekarang komputer riba satu keperluan buat murid kerana banyak ilmu boleh dicari dengan mudah," katanya.

Pelajar pengurusan perniagaan sebuah institut swasta J Nivasan, 18, berkata bantuan itu juga boleh meringankan anak muda untuk menjalankan perniagaan dalam talian.

"Sekarang hanya guna telefon untuk belajar dalam talian dan kalau ada tugasan terpaksa pinjam komputer kawan," katanya yang berasal dari Selayang Baru.

Menerusi Deklarasi Gombak Bermaruah, Amirudin yang juga calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak menawarkan 10,000 komputer riba dan peranti bagi tujuan pendidikan dan keusahawanan.

Guna kuasa undi tolak pengkhianat

GOMBAK - Dato' Seri Amirudin Shari mengajak rakyat menggunakan kuasa undi pada 19 November untuk menolak kumpulan 2P (pengkhianat dan perompak).

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak berkata kumpulan melibatkan pimpinan Perikatan Nasional dan Barisan Nasional menyebabkan negara tidak stabil dan menjejaskan kehidupan rakyat.

Menurutnya, pimpinan terbabit termasuk penyandang Gombak Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang mengalih sokongan hingga mengakibatkan kerajaan HARAPAN di Putrajaya tumbang pada 2020.

"Rakyat menjadi keliru dan orang tidak mahu melabur di sini, kita undi sekali (pada pilihan raya 2018) tetapi dapat tiga perdana menteri.

"Hal ini berlaku disebabkan mereka tidak mahu HARAPAN yang mendapat mandat ketika itu berjaya menjadi kerajaan adil, negeri pembangkang pun kita beri peruntukan," katanya di Selayang Baru pada 12 November.

Kesilapan bubar di musim bencana

KLANG - Dato' Menteri Besar menyifatkan pembubaran Parlimen ketika musim banjir bagi mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 satu kesilapan.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, bencana tersebut bukan hanya menyebabkan mangsa terjejas, bahkan pegawai daerah yang terlibat dalam pilihan raya.

"Saya beranggapan bahawa langkah yang diambil terhadap pembubaran sebagai langkah yang silap dan menyebabkan bukan hanya mangsa terganggu tetapi juga pegawai-pegawai terlibat.

"Contohnya, pegawai daerah di Klang dan Petaling adalah pegawai pengurus tetapi pada masa sama kena bertugas untuk pastikan mangsa banjir dikawal selia," katanya pada 10 November.

Terdahulu, beliau meninjau mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan Johan Setia di sini selain mengedar bantuan makanan.

Amirudin memaklumkan sukarelawan telah diarah bersiap siaga membantu jika berlaku musibah selain mengurus operasi mencari dan penyelamat (SAR).

"Pada malam ini (10 November) juga Team Selangor dan Sukarelawan Selangor (SERVE) ada dan mereka sentiasa bersiap siaga termasuk SAR kerana mereka turut mengadakan latihan dengan bomba," katanya.

Hujan lebat beberapa jam petang 10 November menyebabkan beberapa kawasan di Klang dilanda kilat. Berikutan itu, Kerajaan Negeri menggerakkan aset dan jentera untuk membantu penduduk.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Mohamad Hamdan (kanan) menyerahkan Sijil Perakuan Bomba kepada Mohamad Munir di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 11 November. Foto JBPM

Istana negeri terima perakuan

SHAH ALAM - Istana Bukit Kayangan, di sini menjadi istana negeri pertama di Malaysia yang memperoleh Sijil Perakuan Bomba.

Majlis penyerahan sijil pengiktirafan itu disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Seri Mohamad Hamdan Wahid kepada Setiausaha Sulit Sultan Selangor Dato' Mohamad Munir Bani di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 11 November.

JBPM Selangor memaklumkan Pengarahnya, Norazam Khamis menyanjung tinggi usaha Kerajaan Negeri Selangor dan hasrat pihak istana dalam mengambil langkah meningkatkan keselamatan kebakaran di Istana Bukit Kayangan.

Pada majlis sama, JBPM juga menganugerahkan beberapa pangkat sebagai tanda penghormatan dan pengiktirafan kepada individu yang menunjukkan prestasi cemerlang serta jasa bakti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya di Selangor. — BERNAMA

Vaksin pneumokokal, influenza percuma

Suntik 10,000 dos untuk warga emas

Oleh **AZIAN AZIZ**

GOMBAK -Seramai 5,000 individu terdiri warga emas atau berusia 60 tahun ke bawah dan golongan berisiko dijangkiti penyakit disasar menerima vaksin pneumokokal dan influenza percuma mulai 13 November.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata vaksin tersebut, sebagai permulaan, diberi kepada warga emas termasuk penghuni rumah jagaan orang tua.

"Selepas itu, kita sasar pula golongan bawah 60 tahun, diikuti golongan komorbiditi yang berdepan masalah kesihatan terutama masalah pernafasan yang teruk.

"Setiap orang dapat dua suntikan vaksin iaitu pneumokokal dan influenza. Jumlah keseluruhan ialah 10,000 dos vaksin percuma (5,000 dos vaksin pneumokokal, 5000 dos vaksin influenza)," katanya.

Terdahulu, beliau meninjau program Vaksinasi Selcare di Surau Al–Hidayah, Taman Keramat Permai di sini melibatkan kira-kira 200 individu pada 13 November.

Amirudin memaklumkan program vaksin secara percuma diteruskan pada tahun hadapan jika inisiatif tersebut mendapat sambutan.

"Jika dapat sambutan, mungkin boleh masukkan dalam bajet tahun depan sebab masih dalam rangka, kita boleh jadualkan pada 25 November ini," katanya.

Pada 10 November, Amirudin mengumumkan dana RM1.5 juta dalam menyediakan 10,000 dos vaksin percuma bagi memastikan kesihatan penduduk berisiko tinggi terpelihara.

Fasa pertama program antara 14 November hingga 31 Disember menyasar rumah jagaan orang tua, warga emas dan pemegang kad Iltizam Selangor Sihat (ISS).

Inisiatif tersebut dijayakan Jawatankuasa Kesihatan Awam dan Majlis Penasihat Kesihatan Awam Selangor (Selphac).

Pamer koleksi keris Sultan Selangor

KUALA LUMPUR - Pameran eksklusif koleksi keris Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bakal berlangsung di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini mulai 2 Disember hingga 13 Mac 2023.

Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) berkata pameran bertaraf antarabangsa mempamerkan 94 keris dengan 59 daripadanya koleksi Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Bertemakan Keris: Kuasa dan Identiti, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata koleksi keris daripada peserta program perkasa warisan pembuatan keris YRMS turut dipamerkan.

"Pengunjung yang hadir akan menikmati pelbagai aktiviti menarik, program pendidikan, pameran dan pelbagai acara mengenai warisan seni keris.

"Kami juga tampilkan tiga peserta pembuat keris muda. Mereka dibimbing oleh pakar membuat keris dari Pahang dan Terengganu pada 2019," katanya pada 19 November.

Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

SHAH ALAM - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawar kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.wavpay.net

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

Cadang bina ikut zon

‘Rider’ hargai usaha sedia pusat rehat

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

GOMBAK - Pekerja e-panggilan menghargai hasrat Dato’ Seri Amirudin Shari menyediakan pusat rehat di Parlimen Gombak yang bakal dibina di lokasi strategik.

Menyambut baik tawaran calon Pakatan Harapan (HARAPAN) itu, penghantar makanan Syariful Akmal Kamaruzaman, 36, mencadangkan premis tersebut ditempatkan mengikut zon.

“Bagus juga kalau ada tempat berehat sementara tunggu pesanan masuk. Sekarang kami rehat merata-rata contohnya sekitar Stadium Majlis Perbandaran Selayang, memang tidak selesa.



“Kami harap kalau perkara ini hendak dibuat, sediakan di pelbagai kawasan strategik mengikut zon sebab kami sentiasa bergerak mengikut lokasi pesanan,” kata pengundi Gombak itu.

Bagi penghantar makanan sepenuh masa Amirul Shamsuri, 29, dari Taman Sri Gombak, cadangan Amirudin membuktikan beliau prihatin terhadap nasib pekerja sektor ekonomi sampingan.

“Kami boleh rehat selepas penat hantar pesanan, bimbang juga terlalu letih tidak dapat fokus ketika menunggang motosikal dan akhirnya kemalangan,” katanya.

Pendapat itu disokong Fahmi Izudin Johari, 27, yang percaya keletihan antara faktor pekerja e-panggilan terlibat dalam nahas.

“Sekarang kami hanya rehat bawah jejambat atau perhentian bas, bayangkan kalau waktu hujan terpaksa tahan kesejukan dan boleh jatuh sakit,” katanya.

Menerusi Deklarasi Gombak Bermaruah, Amirudin antaranya mahu menyediakan pusat rehat pekerja e-panggilan yang lengkap kemudahan.

WAKTU SOLAT

17 - 23 NOVEMBER 2022
22 - 28 RABIULAKHIR 1444

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Khamis	5:39	5:49	6:59	1:01	4:23	6:59	8:11
18 Jumaat	5:39	5:49	6:59	1:01	4:23	6:59	8:12
19 Sabtu	5:39	5:49	6:59	1:01	4:23	6:59	8:12
20 Ahad	5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	6:59	8:12
21 Isnin	5:40	5:50	7:00	1:02	4:24	6:59	8:13
22 Selasa	5:40	5:50	7:00	1:02	4:24	7:00	8:13
23 Rabu	5:40	5:50	7:00	1:02	4:24	7:00	8:13

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Khamis	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	7:00	8:12
18 Jumaat	5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13
19 Sabtu	5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13
20 Ahad	5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13
21 Isnin	5:40	5:50	6:59	1:02	4:25	7:00	8:14
22 Selasa	5:40	5:50	6:59	1:03	4:25	7:01	8:14
23 Rabu	5:40	5:50	7:00	1:03	4:25	7:01	8:14

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Khamis	5:41	5:51	6:59	1:03	4:25	7:00	8:13
18 Jumaat	5:41	5:51	7:00	1:03	4:25	7:01	8:13
19 Sabtu	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
20 Ahad	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
21 Isnin	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
22 Selasa	5:42	5:52	7:01	1:04	4:26	7:01	8:14
23 Rabu	5:42	5:52	7:01	1:05	4:27	7:01	8:15

PRIHATIN... Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Rodziah Ismail melawat sebuah rumah yang rosak akibat tanah runtuh di Taman Halaman, Ampang Jaya pada 15 November. Tanah dan batuan dari cerun bukit menimpa serta merobohkan dinding dapur dan bilik tidur di tingkat dua. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Sokongan tambah semangat kempen

AMPANG JAYA - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Ampang mengakui lebih bersemangat untuk berkempen berikutan sokongan terhadapnya kian meningkat.

Menjelaskan lebih separuh kawasan telah dilawati, Rodziah Ismail menyifatkan keadaan itu memberi kelebihan kepadanya untuk menyebar pelbagai maklumat termasuk Tawaran HARAPAN.

"Tumpuan kempen di kawasan Ampang Mewah. Saya naik Flat Taman Ampang Mewah selain menyantuni pengundi dari rumah ke rumah di Taman Mulia Jaya.

"Saya santuni peniaga dan pengunjung pasar malam Taman Ampang Mewah. Sokongan meningkat baik di kawasan kampung mahupun elit," katanya pada 10 November.

Rodziah menambah jenteranya akan menyampaikan maklumat tepat berkaitan HARAPAN selain menjelasan inisiatif Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Ahli Dewan Negeri Batu Tiga itu juga akan memperbaiki masalah komunikasi antara wakil setempat dan penduduk dari hari ke hari hingga selesai tempoh berkempen.

Sedia khidmat di Ampang

AMPANG JAYA - Prestasi cemerlang sejak tiga penggal di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga mendorong Rodziah Ismail meneruskan khidmatnya di Parlimen Ampang.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) itu berkata pimpinan tertinggi Parti Keadilan Rakyat percaya kemampuannya untuk menabur khidmat di sini, selepas penyandang meninggalkan parti tersebut.

"Saya bukan orang yang diberi amanah tetapi tidak berfungsi. Saya begitu hargai apa pandangan pihak parti supaya kali ini berkhidmat kepada warga Ampang.

"Lebih-lebih lagi mereka (pengundi) yang teraniaya dengan lompatnya wakil rakyat itu ke tempat lain," katanya mengulas dakwaan gagal di Batu Tiga menyebabkannya 'lari' bertanding ke Ampang.

EXCO negeri itu mengakui tugas sebagai ahli parlimen tidak mudah, namun bersedia memberikan yang terbaik.

"Kalau saya gagal di Batu Tiga, tidaklah saya tiga penggal (menang kerusi). Patut beritahu mereka itu (pengkhianat) yang sebenarnya gagal, bukan saya," katanya selepas menyantuni pengundi Ampang Campuran dekat sini pada 9 November.

Beliau berharap sokongan masyarakat diterjemah atas kertas undi pada 19 November supaya berpeluang menyumbang khidmat untuk rakyat di situ.

Rodziah berdepan bekas menteri Datuk Zuraida Kamaruddin yang mempertahankan kerusi disandang mewakili Parti Bangsa Malaysia (PBM) dalam saingan sembilan penjuru.

Terap dasar mampan

AMPANG JAYA - Dasar baharu yang lebih mampan dan kondusif akan diterap dalam pembangunan projek Rumah Selangorku 3.0 sekitar Lembah Klang.

EXCO perumahan berkata projek rumah mampu milik yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) minggu lalu mengikut formula nisbah plot dan orang per ekar.

"Misalnya dulu ada 60 unit rumah per ekar tetapi seunit rumah mewakili lima hingga 10 orang. Sebab itu, kawasan rumah strata kadang-kadang tidak dapat tampung keperluan asas yang sepatutnya disediakan.

"Maka kita berasakan isu rumah mampu milik mesti ditangani dengan kaedah yang sedikit berbeza iaitu melihat kepada (formula) orang per ekar supaya dapat kurangkan kepadatan dan kesesakan.

"Setiap pembangunan juga tidak lagi menggunakan ketinggian semata-mata tetapi mengambil kira nisbah plot," kata Rodziah Ismail pada 12 November.

Menang Gombak, tawan Putrajaya

SHAH ALAM - Kemenangan Pakatan Harapan (HARAPAN) di Selangor termasuk kerusi Gombak bakal membawa gabungan tersebut ke Putrajaya.

Pengerusi HARAPAN negeri Dato' Seri Amirudin Shari mengajak penyokong untuk mengulangi sejarah pada 2018 dengan membentuk kerajaan persekutuan.

"Tahun 2018, kita telah mencipta sejarah menawan Putrajaya dengan logo Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN). Kini, masa kita mencipta sejarah dengan logo HARAPAN. Kita Boleh! Menang Gombak, tawan Putrajaya," katanya.

Sebanyak 22 kerusi ditandingi HARAPAN di Selangor dengan jangkaan 20 daripadanya dimenangi gabungan itu.

Amirudin sendiri bertanding kerusi paling panas iaitu Gombak yang disandang Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, antara individu bertanggungjawab mengakibatkan HARAPAN tumbang di Putrajaya pada Februari 2020.

Beliau menjelaskan Selangor antara contoh kerajaan yang menyediakan pelbagai program kebajikan untuk manfaat penduduk, dari bayi sehingga warga emas.

Mahu kerajaan ambil perhatian

Harga barang naik bebankan rakyat

Oleh **ALANG BENDAHARA**

SABAK BERNAM - Terpaksa ikat perut dan memandu berpuluh-puluh kilometer untuk membeli barang dapur yang murah antara keluhan penduduk Sungai Besar berikutan kos sara hidup yang kian meningkat.

Kebanyakan penduduk di pekan Sekinchan mengakui harga makanan dan barangan semakin membebankan, malah mahu kerajaan baharu yang dibentuk selepas pilihan raya umum ke-15 mengambil perhatian serius terhadap isu tersebut.

"Saya hidup berdua sahaja bersama suami, namun kami dapat lihat ia memberi kesan kepada jiran serta kenalan yang mempunyai keluarga besar.

"Saya tinggal di Shah Alam tetapi sanggup datang ke Pasar Awam Sekinchan untuk beli ikan dan produk laut lain yang murah," kata pesara Rosmah Omar, 57.

Peniaga makanan Arbain Jelani, 56, berkata beliau dan keluarga perlu membuat kerja sampingan membuka gerai makanan bagi menambah pendapatan.

"Kami amat berharap agar ahli politik dipilih prihatin dan akan memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah ini," ujarnya.

Bagi pesawah M Thavarajh, 63, masalah harga barang meningkat bukan hanya berlaku kepada barangan dapur tetapi turut dialami dalam sektor pertanian.

"Orang ingat barangan dapur sahaja naik tapi kami petani terjejas akibat kenaikan harga baja dan racun. Walaupun ada subsidi dan insentif lain tetapi harga tetap naik," katanya.

Keadaan itu menyebabkan petani terpaksa tampung kos tinggi dan harga produk tanaman juga naik apabila dijual kepada pengguna.



TENGKUJUH... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menunjukkan ramalan ribut petir di 22 kerusi parlimen Selangor ketika berkempen di Seksyen 18, Shah Alam pada 14 November. Foto FIKRI YUSOF

Bantu wanita jana pendapatan keluarga

Latihan tingkat kemahiran

Oleh **AZIAN AZIZ**

GOMBAK- Golongan wanita di Parlimen Gombak menyambut baik tawaran Dato' Seri Amirudin Shari untuk menyediakan latihan kemahiran pelbagai bidang bagi membantu mereka menambah pendapatan isi rumah.

Pekerja kedai kek Putri Nur Rabiyatul Adawiyah Shujairi, 24, yakin inisiatif calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak itu mampu dijayakan berdasarkan kemampuan beliau selaku Dato' Menteri Besar.

"Program latihan kemahiran ditawarkan Amirudin memang bagus sebab dapat tambah jumlah peniaga wanita yang bermula dari rumah.

"Ia juga boleh bantu orang muda dan berusia mencari pendapatan sendiri sebab susah cari kerja sekarang," katanya ketika ditemui dalam program Mini Karnival Wanita di Dewan JKP5, Taman Selasih di sini.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Ibu Tunggal dan Warga Emas Salmah Abd Rasit, 65, pula mengalu-alukan tawaran berkenaan kerana ia selari dengan rancangan pertubuhannya.

"Sebagai Dato' Menteri Besar, beliau melakukan pelbagai program yang membantu rakyat, jadi kita akan pastikan kemenangan berpihak kepadanya supaya perancangan itu dapat diteruskan," katanya.

Peniaga nasi lemak Noor Ashikin Dahari, 54, pula menyifatkan program tersebut membantu wanita yang mahu menambah ekonomi keluarga.

"Jika program ini dapat diteruskan, mana-mana wanita yang mahir boleh ke depan. Dengan ini, kita mahu Amirudin jadi ahli parlimen Gombak supaya ia dapat dijayakan," tambahnya.

Pada 10 November, Amirudin membentang perancangan lima tahun bagi memajukan Gombak antaranya memberdaya wanita melalui latihan kemahiran dan membantu rakyat memiliki rumah mampu milik.

Turut ditawarkan dalam Deklarasi Gombak Bermaruah termasuk menarik pelabur asing bagi menawarkan peluang pekerjaan kepada belia dengan gaji tinggi dan pendidikan.

Sokong teruskan program bantuan

SEPANG - Inisiatif meneruskan Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam Tawaran Pakatan Harapan (HARAPAN) bagi pilihan raya umum ke-15 mendapat reaksi positif.

Program tersebut diteruskan mengambil kira keadaan ekonomi semasa yang semakin mencabar.

Peniaga pakaian Maslinda Mohd Kusaini, 53, percaya bantuan berkenaan sekurang-kurangnya meringankan beban rakyat yang memerlukan.

"Saya meniaga sudah 20 tahun. Adat orang berniaga memang ada pasang surutnya lebih-lebih lagi jika secara kecil-kecilan.

"Tapi jika benar BSH mahu diteruskan, memang elok. Mungkin sekarang masa ada duit kita rasa tak perlu tetapi siapa tahu bantuan itulah yang bantu nanti," katanya.

Kakitangan swasta Nurul Huda Zakaria, 33, berkata ia wajar diteruskan terutama untuk golongan belia dan bujang.

"Memang wajar diteruskan terutama untuk belia yang baru nak mencari kerja sebab sekarang nak dapat kerja susah, ekonomi tidak stabil dan harga barang meningkat.

"Untuk bujang terutamanya kerana kebanyakannya baru hendak mula hidup. Cuma jika boleh diubah dengan pemberian sekali bayar tanpa berperingkat."

Saran tambah baik laksana undi pos

KUALA SELANGOR - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disaran menambah baik pelaksanaan undi pos terutama membabitkan pemilih luar negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dakwaan terdapat pengundi pos yang belum menerima kertas undi tidak sepatutnya berlaku.

"SPR kena pastikan benda ini (pengundi pos belum terima kertas undi) tidak berlaku kerana dibimbangi ada ruang untuk penipuan.

"Jadi SPR kena bersikap profesional dan saya harap benda ini tidak berlaku," katanya pada 14 November.

Terdahulu, media melaporkan ada pengundi pos khususnya pengundi luar negara masih belum menerima kertas undi mereka.

Ambil masa nilai calon bertanding

AMPANG JAYA - Pelakon rap Altimet menasihati pengundi kali pertama terutama anak muda supaya bermuhasabah sebelum memilih wakil rakyat yang layak memimpin kawasan mereka.

Altimet atau nama penuhnya Syed Ahmad Syed Abdul Rahman, 43, turut meminta mereka membuat semakan calon yang bertanding pilihan raya umum ke-15.

"Buat anak muda, kamu sekarang berada dalam satu masa yang mana kamu akan memilih wakil rakyat untuk membawa suara kamu ke peringkat persekutuan.

"Jadi saya nasihatkan buat kajian mengenai calon-calon ahli Parlimen di kawasan kamu. Sekurang-kurangnya ambil sedikit masa untuk fikir dan muhasabah sebelum pilih calon yang kamu rasa terbaik," katanya pada 10 November.

Asing pengundi positif Covid-19

PUTRAJAYA - Individu positif Covid-19 yang mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan diasingkan daripada pengundi lain bagi mengelak risiko penularan.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Dr Azmi Sharom berkata selain itu pihaknya juga akan memastikan proses mengundi bagi individu positif Covid-19 di pusat pengundian di seluruh negara dilakukan dengan cepat.

Beliau berkata mereka yang positif perlu memaklumkan kepada pegawai Kementerian Kesihatan mengenai status kesihatan sebelum hadir ke pusat mengundi.

"Mereka (KKM) akan asingkan pengundi positif dan anda akan undi dengan cepat dan kita juga akan asingkan anda daripada pengundi lain," katanya mengulas mengenai proses mengundi untuk individu positif Covid-19 pada 15 November. - BERNAMA

Gembira jualan murah dilanjut

AMPANG JAYA - Keputusan Kerajaan Negeri melanjutkan inisiatif jualan murah barangan asas sehingga Mac tahun depan menggembirakan orang ramai kerana dapat terus menjimatkan belanja dapur di samping menikmati bahan makanan yang berkualiti.

Menurut bekas jururawat Jamilah Abu Samah, 65, dia dan suaminya, bekas tentera yang bergantung hidup dengan wang pencen, bersyukur kerana dapat terus membeli ayam, beras dan telur pada harga murah.

"Terima kasih Kerajaan Negeri, Dato' Menteri Besar kerana sambung program jualan murah ini. Dapatlah pesara seperti saya dan suami berjimat," katanya dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) di Taman Keramat di sini pada 10 November.

Ibu tunggal, Rosidah Sidek, 43, berkata, beliau akan mengikuti perkembangan lokasi JER di kawasan berdekatan kediamannya sehingga Mac ini agar dapat terus membeli barangan murah.

Dia yang menanggung dua anak dengan bekerja sambilan di restoran makanan segera memberitahu, keluarganya dapat berjimat banyak jika membeli barangan murah dalam program tersebut.

"Bila JER sambung dapatlah saya berjimat lebih lama. Lagi bagus kalau JER dapat diteruskan sehingga raya," tambahnya yang tinggal di Kampung Batu 71/2, Hulu Klang.

Pengundi muda masih samar

Undi calon ikut keluarga

Oleh **ALANG BENDAHARA**

SABAK BERNAM - Meskipun teruja pertama kali mengundi tetapi ramai anak muda masih samar untuk menentukan pilihan sebaliknya hanya menuruti kecenderungan ahli keluarga.

Rata-rata anak muda di pekan Sekinchan, Sabak Bernam mengakui kurang pengetahuan berhubung kuasa dalam memilih kerajaan ekoran pindaan Undi18.

Berdasarkan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan diluluskan tahun lepas, usia layak mengundi diturunkan daripada 21 kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik.

"Saya rasa macam biasa tapi sedikit teruja dapat peluang mengundi. Namun saya tak pasti siapa atau parti mana yang akan diundi.

"Mungkin saya akan ikut pilihan keluarga untuk memberi undi saya," kata jurujual Sharifah Nadirah Ismail, 20.



Rakan sekerjanya Siti Norizati Ismail, 20, turut bersependapat tentang cara membuat pilihan namun beliau mahu memilih calon yang mesra dengan penduduk.

"Ikutkan saya ada membaca sedikit mengenai calon bertanding di Parlimen Sungai Besar dan dapat melihat sendiri calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Saipolyazan M Yusop masuk ke kedai barangan RM2 tempat kami bekerja," katanya.

Penghantar makanan Anas Rumaizi, 19, pula mengakui ada membuat kajian tentang semua empat calon di Parlimen Sungai Besar menerusi media sosial.

"Maka pilihan saya akan berdasarkan apa yang setiap calon bawa dan tonjolkan. Saya tidak sabar untuk mengundi pada 19 November ini," ujarnya.

Menurut statistik terbaru Pejabat Pilihan Raya Selangor, pemilih layak mengundi pada PRU15 di negeri ini seramai 3,677,848 berbanding 2,415,074 pada pilihan raya umum sebelum ini.

Korban gaji tekad bela Gombak

GOMBAK - Beberapa pengundi menyifatkan hasrat Dato' Seri Amirudin Shari menderma gaji ahli parlimen Gombak membuktikan kesungguhannya menjaga kebajikan penduduk.

Penduduk Kampung Batu 8 di sini Zulkifli Maulut, 65, berkata pengorbanan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) itu sangat dihargai dan berharap wang berkenaan dimanfaatkan untuk pembangunan masyarakat.

"Ia bukan semata-mata pengorbanan untuk rakyat tetapi perancangan teliti beliau menyelesaikan pelbagai isu belum selesai di Gombak terutama berkaitan pembangunan.

"Saya percaya usaha itu permulaan untuk mengajak pelbagai pihak seperti syarikat swasta bagi bersama menyumbang kepada Dana Komuniti Gombak," katanya.

Pengundi dari Selayang Baru Low Han Beng, 54, juga tertarik dengan tawaran Amirudin termasuk beberapa perancangan lain menerusi Deklarasi Gombak Bermaruah yang dilancar 10 November.

"Baguslah beliau mahu derma gaji dan tunjukkannya betul-betul mahu jaga rakyat. Saya suka cara beliau mahu bantu tingkat pendidikan, anak muda dan warga emas," katanya.

Bagi G Ravi, 50, beliau sebagai anak jati Gombak berbangga jika Amirudin terpilih sebagai ahli parlimen kerana tahu pencapaiannya sebagai wakil rakyat Sungai Tua dan Dato' Menteri Besar.

"Saya gembira beliau jadi calon (HARAPAN) sini, pada pendapat saya pelbagai tawarannya seperti derma gaji untuk pembangunan boleh diterima," kata penduduk Batu 8 Gombak itu.

Sebelum ini, Amirudin memaklumkan tidak akan mengambil gaji sebagai ahli parlimen jika beliau kekal wakil rakyat Sungai Tua dan memegang jawatan dalam pentadbiran negeri.

Dibantu derma pihak swasta, gaji ahli parlimen tersebut akan diderma kepada Dana Komuniti Gombak bagi membantu masyarakat jika menang pilihan raya umum ke-15 pada 19 November ini.



Lensa kempen PRU-15
10 - 15

Pilihan di Gombak?

Oleh **MOHAMMAD AGUS YUSOFF**

Dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali memenangi pilihan raya di Gombak atas tiket Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) dengan majoriti 48,721 undi.

Dalam PRU ke-15, beliau bertanding sekali lagi, namun atas tiket Perikatan Nasional dan berlawan dengan empat calon lain iaitu Dato' Seri Amirudin Shari (Pakatan Harapan) Datuk Seri Megat Zulkarnain Omardin (Barisan Nasional), Aziz Jamaluddin (Parti Pejuang Tanah Air) dan Zulkifli Ahmad (Bebas).

Pertandingan ini sengit dan ramai menjangka Mohamed Azmin menghadapi laluan sukar untuk menang. Betulkah begitu?

Majoriti pengundi Gombak seramai 207,000 orang adalah Melayu (75%) dan selebihnya bukan Melayu. Seramai 11.3 ribu adalah pengundi berumur 18-20 tahun, 45,000 (21-29 tahun) dan 48,000 (30-39 tahun).

Tulisan ini tidak mengulas kecenderungan pengundi mengikut kaum atau umur, tetapi menilai persaingan antara calon Perikatan Nasional dan Pakatan Harapan. Siapa lebih berwibawa antara dua ini dan siapa yang wajar menang?

Biarpun Mohamed Azmin telah menjadi ahli parlimen di kawasan ini selama tiga penggal, kemunculan Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar Selangor telah menggugat peluangnya untuk menang.

Amirudin adalah tokoh muda dalam politik negara. Berusia 42 tahun, beliau graduan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Menyertai KEADILAN pada 2004, beliau adalah calon KEADILAN untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Caves (kini dinamakan Sungai Tua) pada PRU ke-12. Beliau yang berusia 28 tahun ketika itu menang dalam PRU tersebut.

Sejak dilantik menjadi Dato' Menteri Besar Selangor pada Jun 2018, beliau telah meninggalkan banyak jejak untuk Selangor. Semasa menghadapi pandemik, Kerajaan Selangor telah menubuhkan Selangor Task Force Covid-19 (STFC) sebagai badan pemikir bertujuan membantu kerajaan negeri menangani pandemik Covid-19. Melalui STFC, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan seperti:

i. membangunkan aplikasi SELangkah yang merupakan aplikasi penjejakan kontak bagi melengkapi fungsi yang tidak ada di dalam MySejahtera.
ii. menggerakkan program saringan Covid-19 secara percuma di seluruh Selangor.
iii. memperkenalkan Program Vaksin Selangor (SELVAX) bagi mencapai imuniti kelompok warga Selangor.
iv. memberi insurans perlindungan percuma kepada enam juta rakyat.

Dengan kecekapan pentadbirannya, kadar pertumbuhan ekonomi Selangor meningkat daripada -5.2% pada 2020 kepada 5.0% pada 2021. Setakat 10 Oktober tahun ini, Selangor mencatat pendapatan hasil sebanyak RM2.065 bilion lalu, mengatasi sasaran RM2.05 bilion yang ditetapkan.

Pada era beliau jugalah diperkenalkan dua gagasan besar ekonomi: Klusterisasi Selangor serta Rancangan Selangor Pertama, yang menjadi 'landmark' pembangunan masif ekonomi negeri Selangor yang mencakupi seluruh Selangor dari Sabak Bernam ke Sepang tanpa hanya menumpukan daerah industri di Petaling semata-mata.

Dengan pencapaiannya ini, satu yang terserlah ialah biarpun Amirudin Dato' Menteri Besar muda, beliau terbaik. Bukan sahaja beliau baik dari segi pengurusannya, tetapi juga mempunyai personaliti dan imej diri yang tidak tercalar dengan kontroversi. Beliau bebas rasuah, merendah diri dan tokoh pemimpin muda yang akomodatif, terbuka dan disukai rakyat.

Semasa berkempen di Gombak, beliau mengumumkan akan menyumbangkan keseluruhan gajinya ke dalam Dana Komuniti Gombak untuk pemantapan infrastruktur tempatan, penyediaan rumah mampu milik, peningkatan sektor ekonomi tempatan, peluang pendidikan, dan pekerjaan bermaruah.

Amirudin adalah tokoh muda yang membanggakan. Dengan imej dan personalitinya dan kedudukannya, beliau perlu diangkat untuk mewakili kita di parlimen. Beliau susuk pemimpin negara masa depan dan oleh itu perlu menang.

Sumber: Facebook Mohammad Agus Yusoff

Calon HARAPAN Sabak Bernam Shamsul Ma'arif Ismail beramah mesra dengan pengunjung warung di Kampung Batu 2 Sepintas

Calon HARAPAN Sungai Besar Saipolyazan M Yusop menziarah kanak-kanak kelainan upaya Hairul Nurdini Rizal di Sungai Panjang

Calon HARAPAN Kota Raja, nombor lima atas kertas undi, Mohd Sabu bersama pengunjung Taman Rakyat, Klang

Saipolyazan meraikan pemenang kejohanan liga penalti futsal di Taman Aman, kawasan Parlimen Sungai Besar

Calon HARAPAN Hulu Selangor Dr Sathia Prakash Nadarajan memperkenal diri kepada penduduk Kampung Sungai Buaya

Dr Sathia, calon nombor empat atas kertas undi, mendengar aduan wakil Kelab Sosial Kimlan di Batang Kali

Dr Sathia yang aktif melakukan kerja kebajikan bertemu komuniti India di Bukit Tagar ketika berkempen

Calon HARAPAN Kuala Selangor Dr Dzulkefly Ahmad meraikan peserta mencanting batik Shibori di balai raya Bukit Kucing Tengah

Calon MUDA Tanjong Karang Siti Rahayu Baharin meninjau keadaan penduduk yang dilanda banjir di Kampung Ampangan

Dr Dzulkefly menyapa pengunjung yang membuat pemeriksaan kesihatan pada program di Puncak Alam, Kuala Selangor

Calon HARAPAN Subang Wong Chen bertemu pengunjung sebuah pasar di Subang dalam usaha meraih sokongan

Calon Selayang William Leong Jee Ken menunjukkan cara mengundi HARAPAN ketika berkempen di Pekan Kuang

Calon HARAPAN Pandan Rafizi Ramli menyapa penunggang motosikal ketika meraih undi di kawasan parlimennya

Calon HARAPAN Hulu Langat, nombor satu atas kertas undi, Mohd Sany Hamzan memperkenal diri di sebuah restoran di Semenyih

Mohd Sany berkempen dalam kalangan peniaga jualan but kereta (car boot sale) di Bukit Mahkota Kajang

Anak jati Hulu Langat, Mohd Sany bertegur sapa dengan jemaah Masjid Sungai Serai selepas solat Asar

Calon HARAPAN Bangi Syahredzan Johan bersarapan bersama jemaah selepas kuliah Subuh di Surau Bangi Perdana

Syahredzan, seorang peguam hak asasi, menziarahi warga emas ketika berkempen di Kampung Sungai Tangkas

Calon HARAPAN Puchong Yeo Bee Yin memperkenalkan diri ketika berkempen di Kampung Tengah

Calon HARAPAN Damansara Gobind Singh Deo bertemu pengunjung di sebuah restoran berdekatan tapak Pasar Malam SS3

Calon HARAPAN Sungai Buloh Datuk R Ramanan beramah mesra dengan pengusaha nurseri tanaman di Jalan Kusta

Ramanan, calon nombor enam atas kertas undi, meninjau proses undi awal di kem tentera Paya Jaras, Sungai Buloh

Ramanan berkongsi rancangannya untuk memajukan Sungai Buloh dengan penduduk Taman Setia Warisan

Calon HARAPAN Petaling Jaya Lee Chean Chung beramah mesra dengan orang ramai ketika ceramah di Seksyen 17

Calon HARAPAN Shah Alam Azli Yusof melawat mangsa kemalangan di Seksyen 19 dalam gerak kerja kempen

Azli mengedar risalah kempen kepada peniaga dan pengunjung Pasar Malam Padang Jawa, Shah Alam

Pernah menjadi imam dan nazir masjid, Azli bersarapan dengan jemaah selepas kuliah subuh di Surau Mawaddah Seksyen 7

Calon HARAPAN Kapar Abdullah Sani bersama pasukan kempennya, termasuk Speaker Dewan Ng Suee Lim, di Pasar Pagi Pekan Kapar

Abdullah Sani memperkenal diri sebagai calon HARAPAN Kapar kepada pengunjung Pasar Pagi Pekan Kapar

Calon HARAPAN Klang V Ganabatirau singgah di rumah seorang penduduk di Kampung Tradisi Pulau Indah

Calon HARAPAN Kuala Langat Manivanan Gowin ziarah warga emas ketika berkempen di Kampung Kelanang

Calon HARAPAN Sepang Aiman Athirah Sabu mengedar risalah kempen kepada anak muda di Batu Laut

Manivanan berbual dengan tentera di Pusat Pengundian Awal Dewan Serbaguna Regimen TUDM Jugra

Aiman Athirah, calon nombor empat atas kertas undi, berkongsi isu pembangunan Sepang dengan penduduk Taman Putra Perdana

Bersama ADN Morib Hasnul Baharuddin, Manivanan bertemu penduduk ketika berkempen di Pekan Kelanang

Menunjukkan empat jari, tanda calon nombor empat atas kertas undi, Aiman Athirah berkempen di Taman Ambar Dengkil

SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pemangku pengarang berita:
Afeeqa Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Ketua wartawan:
Amin Ridzuan Ishak

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Pelan 5 tahun Gombak

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI membentang perancangan lima tahun bagi membela penduduk Gombak menerusi Deklarasi Gombak Bermaruah.

Lima tekad itu disenarai dalam deklarasi selepas calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Gombak itu bertemu sebahagian penduduk kawasan berkenaan termasuk ketua-ketua masyarakat. Perkara tersebut ialah:

Ekonomi Tempatan Nadi Gombak

- Memberdaya wanita melalui latihan kemahiran tambahan dan meningkatkan pendapatan isi rumah
- Membangunkan pusat rehat bagi kegunaaan e-panggilan, lengkap kemudahan beristirehat, jalur lebar, kawasan mengecas telefon pintar, bilik mandi dan ruang solat
- Menggalakkan pertanian berteknologi tempatan bagi menjamin bekalan makanan

Rumah Mampu Milik Gombak

- Membantu rakyat memiliki rumah pada harga mampu milik menerusi pembinaan 1,660 unit rumah mampu milik Pangsapuri Bayu Residensi @ Seri Temenggung
- Menyelesaikan isu pemilikan strata terutama di Hulu Kelang di AU1, AU2 dan kawasan berhampiran
- Mengatur penempatan di Gombak Setia di rizab jalan agar penduduk memiliki perumahan lebih tersusun

Infastruktur Mampan, Selesa dan Berdaya Tahan

- Memantapkan kemudahan sedia ada seperti padang dan tapak futsal serta mendirikan kompleks sukan pelbagai guna sebagai hab anak muda
- Menubuhkan kompleks warga emas yang selamat untuk riadah warga emas dan kanak-kanak, senaman, sukan ringan, ruang membaca serta ruangan hijau
- Menyediakan infrastruktur di kampung tradisional yang melibatkan isu penggunaan tanah supaya peluang perniagaan mikro disediakan
- Membangunkan Dana Komuniti Gombak untuk infrastruktur tempatan demi manfaat penduduk
- Naik taraf kemudahan klinik-klinik kesihatan serta prasarana perubatan awam

Pendidikan dan Pekerjaan Bermaruah, Kunci Kepada Taraf Hidup Lebih Berkualiti

- Menarik pelabur tempatan dan antarabangsa untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada anak muda seterusnya mendapat gaji tinggi
- Menurunkan kadar pengangguran, meningkatkan keselamatan kewangan dan memelihara kesihatan mental orang muda Gombak
- Menggunakan kedudukan Gombak sebagai hab pendidikan Selangor dengan merencana program latihan kemahiran teknikal
- Memberi 10,000 komputer riba dan tablet bagi tujuan pendidikan serta usahawan bagi warga Gombak

Peranan Saksama Negeri Dalam Memajukan Negara Tercinta

- Kerajaan Negeri diberi peranan membina dan memajukan negara dalam bidang kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam dan agihan cukai
- Kesemua aspek ini wajar diteliti semula kerana setiap negeri mempunyai kelebihan ekonomi tempatan dan tidak wajar dirancang hanya oleh Putrajaya

Azam Rodziah majukan Ampang

CALON Pakatan Harapan (HARAPAN) Ampang Rodziah Ismail menggariskan lapan visi bagi membawa indeks kebahagiaan dan kesejahteraan kepada penduduk setempat. Berikut intipati Pesona Ampang:

- Pembangunan yang manusiawi dan melestarikan alam sekitar
- Kegiatan sosial, perniagaan dan pekerjaan yang tersusun dan seimbang
- Usahawan sebagai komponen utama mempromosi bandar
- Kemudahan awam yang mudah diakses, selamat, mesra keluarga dan lestari
- Kualiti unik gabungan warna-warni kaum, budaya dan sejarah di Ampang
- Latihan kemahiran profesional untuk anak muda, wanita dan orang kelainan upaya
- Potensi pendapatan isi rumah dipertingkat
- Kebajikan menyeluruh

Anwar berucap di hadapan penyokong dalam program bersama calon HARAPAN Parlimen Padang Rengas dan Kuala Kangsar sempena Jelajah Perak pada 14 November. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Tawaran HARAPAN kepada rakyat

Bela kebajikan, tangani rasuah

Oleh **FAIZAL NAZARUDDIN**

SHAH ALAM - Tawaran yang disediakan Pakatan Harapan (HARAPAN) bukan hanya menangani isu rasuah bahkan memastikan kebajikan semua lapisan rakyat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan HARAPAN juga berusaha mengatasi masalah ekonomi termasuk memperkukuh nilai mata wang selain membawa masuk pelaburan asing sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

"HARAPAN jelas tegas menangani korupsi dalam negara ini dan memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat diambil peduli," katanya.

Pengerusi HARAPAN itu juga menegaskan hasrat untuk menjadi pemimpin Melayu yang baik untuk umat Islam dan semua agama jika dipilih menjadi perdana menteri.

Beliau mahu membuktikan masih ada pemimpin yang adil dan saksama serta kasih kepada semua kaum di negara ini, bukan hanya untuk kaum tertentu sahaja.

"Mana boleh kita jadi perdana menteri hanya mempertahan Perlembagaan untuk orang Melayu semata-mata.

"Bagaimana kaum Cina, India dan lain-lain. Hak mereka perlu dihormati dan diperjuang," katanya pada Jelajah Parlimen Kulim-Bandar Baharu pada 13 November.

Selain itu, Anwar turut berkempen di sembilan parlimen di Perak pada 14 November.

Mengetuai serangan gabungan itu di Perak, beliau turut mengempur Parlimen Sungai Siput bagi merampas kembali negeri berkenaan dalam pilihan raya negeri yang berlangsung serentak dengan pilihan raya umum pada 19 November.

Berucap dalam ceramah meganya di Sungai Siput, Anwar menyeru rakyat membuat pilihan bijak bagi memenangkan calon HARAPAN, S Kesavan yang dicabar Presiden MIC Tan Sri S A Vigneswaran sekali gus mengekalkan kubu kuat gabungan itu sejak 2008.

"Hanya HARAPAN yang mampu melaksanakan amanah dengan sebaik mungkin melalui pelbagai agenda khusus terkait ekonomi dan kebajikan rakyat.

"Usah terpedaya lagi dengan janji BN-PN yang terbukti gagal menjaga kebajikan rakyat dan negara," katanya.

PN mahu gabung BN bentuk kerajaan

SHAH ALAM - Perikatan Nasional (PN) berhasrat bergabung dengan Barisan Nasional (BN) untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum ke-15 (PRU15).

Setiausaha Agung PAS Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata BN sudah maklum perkara berkenaan dan dijangka menerima penggabungan itu, lapor Berita Harian.

"Rujukan pertama kita adalah BN, bagaimanapun sebarang perbincangan belum dibuat sepanjang tempoh berkempen ini namun saya yakin BN akan terima.

"Perbincangan dulu sudah ada, namun ketika kita tidak bersama pun kita ada maklum mungkin kita boleh bersama selepas PRU15," katanya.

PN dan BN membentuk kerajaan campuran sejak Februari 2020 walau kedua-dua gabungan ini saling bersaing dalam pilihan raya atas tiket masing-masing.

Sementara itu, Pengerusi PN Tan Sri Muhyiddin Yassin menyanggah kenyataan isu bekerjasama dengan BN.

Menurut Muhyiddin dia tidak pernah memberi mandat kepada Takiyuddin untuk bertindak sedemikian.

Larang guna telefon di tempat mengundi

KUALA LUMPUR - Penggunaan telefon bimbit di tempat mengundi (saluran) adalah tidak dibenarkan pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan pengundi yang membawa telefon bimbit perlu meletakkan gajet itu di tempat yang disediakan setelah menerima kertas undi dan mengambilnya semula selepas selesai mengundi.

"Pelaksanaan tatacara pengundian baharu ini boleh dirujuk menerusi poster 'Tatacara 10 Langkah Pengundian' yang menjelaskan proses pengundian sepenuhnya dan maklumat lanjut juga telah dimuat naik di laman Facebook, Instagram dan Twitter SPR," katanya pada 14 November.

Sebagai peringatan, notis dan poster larangan penggunaan telefon bimbit akan diletak di luar dan dalam tempat mengundi bagi memelihara kerahsiaan maklumat. – BERNAMA

Nafi Hutan Bukit Gasing ditutup

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling (MBPJ) menjelaskan Hutan Pendidikan Bukit Gasing tidak ditutup kepada orang awam.

Pihak berkuasa tempatan itu berkata sekeping gambar kain rentang mengenai notis penutupan taman rekreasi terbabit yang tersebar dalam media sosial adalah palsu.

Kain rentang berkenaan menyatakan notis penutupan Hutan Pendidikan Bukit Gasing berkuatkuasa 2 November 2022 sehingga dimaklum kelak.

"MBPJ menerima panggilan daripada orang awam yang bertanyakan mengenai berita berkenaan. Kami memaklumkan berita tersebut adalah palsu," katanya pada 11 November.

Mahu beri Bagan Datuk nafas baharu

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Bagan Datuk mempersoal kemajuan yang dicapai di kawasan berkenaan dalam tempoh 27 tahun diterajui penyandangnya Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Shamsul Iskandar Mat Akin menjelaskan pelbagai kemajuan dikecapi penduduk Selangor yang ditadbir HARAPAN yang dianggapnya "ibarat langit dengan bumi".

"Kalau hendak dibandingkan kemajuan di Selangor dengan apa yang dilakukan ahli parlimen yang selama 27 tahun di Bagan Datuk ibarat langit dan bumi," katanya menerusi Facebook.

Justeru, beliau berazam untuk menerima nafas baru jika diberi mandat termasuk menewaskan Ahmad Zahid yang juga presiden Umno pada 19 November.

Naik taraf hospital, klinik kesihatan

KUALA LANGAT - Menaik taraf perkhidmatan di Hospital Banting dan klinik kesihatan antara enam tawaran calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Kuala Langat.

Manivanan Gowin berkata usaha itu demi memastikan penduduk menerima perkhidmatan terbaik dengan mementingkan warga emas, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan kes rujukan pakar.

"Dalam memastikan kemudahan infrastruktur pada tahap memuaskan, saya juga memperkenal dasar komprehensif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Langat," katanya.

Beliau menambah manifesto bertema Maruah Kuala Langat antara lain turut mengetengah rancangan tebatan banjir secara menyeluruh selain menaik taraf sistem perparitan serta amaran bah.

Manivanan juga mahu memastikan pelajar dibekal suasana pembelajaran kondusif selain menubuhkan Kelab Kasih Wanita.

Bawa keluhan peniaga kecil

KUALA LANGAT - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Kuala Langat berazam memperjuang isu kos sara hidup di Dewan Rakyat jika dipilih dalam pilihan raya kali ini.

Manivanan Gowin mendengar keluhan peniaga yang sukar mendapatkan bahan mentah seperti telur selain terbeban kenaikan harga barang yang mendadak.

"Satu sahaja isu dibangkitkan peniaga iaitu kenaikan harga barang dan kesukaran mendapatkan telur.

"Mereka mengeluh tidak dapat menaikkan harga jualan tetapi (terbeban kerana) kos barangan meningkat, menyebabkan belian tidak seimbang," katanya selepas bertemu peniaga di Pasar Pagi Teluk Bunut di sini pada 10 November.

Beliau yang menghadapi saingan enam penjuru berkata isu sama pernah dibawa di Dewan Rakyat ketika menjadi ahli parlimen Kapar pada 2013.

Cadang anjur sidang dengar aduan

SEPANG - Penganjuran sidang rakyat dan anak muda antara tumpuan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Sepang jika diberi mandat dalam pilihan raya umum ke-15.

Aiman Athirah Sabu menjelaskan sidang berkenaan, yang dicadang di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN), dibuat dengan kekerapan tiga bulan sekali.

"Saya kira sidang rakyat dan anak muda ini penting sebab sepanjang perjalanan (kempen) saya enam hari ini, antara kesusahan rakyat itu adalah hendak lapor pada siapa masalah-masalah mereka.

"Hendak mengadu pada ketua kampung atau ahli majlis mungkin ada kekangan. Hendak cari Ahli Dewan Negeri mungkin ada yang susah jumpa, justeru penganjuran sidang ini sangat signifikan," katanya pada 10 November.

Seru rakyat undi HARAPAN

Contoh terbaik jaga kebajikan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SEPANG - Rakyat Selangor diharap mengundi calon Pakatan Harapan (HARAPAN) bagi mengukuhkan kedudukan gabungan tersebut di negeri ini.

Calon Parlimen Sepang Aiman Athirah Sabu berkata Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran HARAPAN menyediakan pelbagai inisiatif kebajikan kepada rakyat yang tiada di negeri lain.

"Kerajaan HARAPAN di Selangor banyak mengadakan program kebajikan dan inisiatif kepada rakyatnya. Keuntungan dan kekayaan dikongsi dengan rakyat menerusi program kebajikan serta polisi yang hebat.

"Antara inisiatif dilaksanakan ialah saringan kesihatan, jualan murah dan banyak lagi program lain. Justeru, penting rakyat Selangor untuk pertahankan HARAPAN yang menjadi contoh terbaik menjaga kebajikan rakyat," katanya.

Sementara itu, Aiman Athirah berkata sentimen anak tempatan bertanding dalam pilihan raya tidak perlu dijadikan isu kerana ia bukan jaminan seseorang itu mampu memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

Sebaliknya, beliau meminta pengundi menilai latar belakang calon sebelum memilih wakil rakyat.

Beliau turut meminta calon untuk bersaing dan berkempen secara sihat serta tidak memainkan isu jantina.

Tidak hanya tumpu kubu kuat

KUALA LANGAT - Kempen calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Kuala Langat tidak hanya tertumpu di kubu kuat gabungan itu, sebaliknya seimbang dan menyeluruh.

Manivanan Gowin berkata kira-kira 60 peratus kawasan Parlimen itu dilawati melalui pelbagai program termasuk jelajah dan sesi ramah mesra, ziarah kasih serta ceramah.

"Kita imbangi kawasan yang ada pengaruh dan tiada pengaruh setiap hari. Saya berjumpa dan beramah mesra dengan penduduk setempat, semuanya menunjukkan semangat luar biasa.

"Semangat mereka pula yang menjadi suntikan semangat saya untuk bekerja keras," katanya selepas program ziarah prihatin di Taman Seri Bayu dan Kampung Tali Air pada 12 November.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan gelombang penerimaan rakyat terhadap gabungan tersebut.

Manivanan melawan Pesuruhjaya PAS Selangor Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi (Perikatan Nasional) dalam saingan enam penjuru pada pilihan raya umum ke-15.

Abdullah Sani meninjau keadaan banjir yang menjejaskan penduduk di Taman Sentosa, Klang pada 10 November. Foto Facebook Abdullah Sani Abdul Hamid

Tinggalkan kempen

Randuk banjir ziarah mangsa

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan Parlimen Kapar meranduk banjir untuk melawat mangsa di beberapa kawasan perumahan dan sekitarnya yang ditenggelami air pada 10 November.

Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid yang sedang berkempen di Pulau Ketam bergegas ke Taman Sentosa, Taman Ria dan Taman Alam Nyata bagi meninjau mangsa banjir.

"Ramai juga yang bertanya berkenaan bantuan, saya maklumkan semasa berkempen, calon dan parti tak boleh beri sebarang bantuan dan memang tidak dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

"Mujurlah Dewan Negeri Selangor belum dibubar dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Meru akan menggerakkan bantuan yang perlu," tulis beliau di Facebooknya.

Dalam video yang disiarkan, Abdullah Sani percaya bencana itu berlaku disebabkan parit yang tersumbat dan ban air di Baiduri melimpah ke kawasan sekitar Kapar.

Justeru, beliau memaklumkan pegawai daerah situasi itu dan menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak segera mengurangkan kesan banjir.

"Ini tidak boleh dibiarkan. Sekarang musim hujan. Inilah akibatnya apabila kita tidak mahu pilihan raya, nak tumpu masalah rakyat. Buktinya berlaku hari ini (10 November).

"Inilah yang didoakan pemimpin Umno. Kita tidak boleh menerima hakikat derita rakyat tetapi selesanya pemimpin tertentu," katanya.

Mampu pulih ekonomi, kestabilan

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (HARAPAN) berkebolehan memulihkan ekonomi dan menstabilkan Malaysia jika diberi mandat lima tahun mentadbir negara.

Calon HARAPAN Shah Alam berkata rakyat juga berhak menentukan kerajaan yang lebih layak jika gabungan itu terbukti gagal dalam tempoh berkenaan.

"HARAPAN ingin membuktikan kepada rakyat gabungan ini mampu memulihkan ekonomi dan menstabilkan negara ke arah yang lebih baik," kata Azli Yusof.

"Justeru, jika diberi mandat pada pilihan raya umum ke-15 (PRU15), kita akan pastikan rakyat tidak terbeban dengan isu berunsur khianat dan amalkan rasuah."

Azli yakin mampu meraih sokongan rakyat dan mengekalkan kerusi HARAPAN di situ berdasarkan penerimaan penduduk setempat sepanjang seminggu berkempen.

"Penerimaan penduduk Shah Alam terhadap saya baik, rata-rata daripada mereka juga kenali saya," katanya dalam Ceramah Mega Shah Alam di Bilik Gerakan Seksyen 17 di sini pada 11 November.

Azli berdepan pencabar Dr Afif Bahardin (Perikatan Nasional), Isham Jalil (Barisan Nasional) dan Rafique Rashid (Pejuang) pada PRU15.

Jangka hospital siap empat tahun lagi

SHAH ALAM - Penduduk Kapar bakal mendapat hospital lengkap dengan kemudahan asrama dalam tempoh empat tahun lagi, kata Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) parlimen itu berkata beliau dimaklum pemaju IJM Land akan memulakan kerja pembinaan pada 22 November ini di Meru.

"Pecah tanah (untuk kerja pembinaan) dah, (tetapi majlis) secara rasmi tak buat lagi," katanya yang menambah kos pembinaan berjumlah RM830 juta.

Cadangan pembinaan hospital itu dibangkitkan Abdullah Sani di Dewan Rakyat dan diluluskan sewaktu pentadbiran kerajaan HARAPAN pada 2019.

Perjuang isu pelihara alam sekitar

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Shah Alam berazam memperjuang isu pemeliharaan alam sekitar jika diberi mandat pada pilihan raya umum ke-15.

Azli Yusof berkata perkara itu seiring tawaran HARAPAN bagi memastikan krisis iklim dapat diurus dengan tuntas demi masa depan generasi akan datang.

"Saya ambil maklum aduan daripada persatuan Rimba Komuniti Shah Alam yang mahu kerajaan mengekal dan mewartakan hutan simpan di kawasan ini.

"Hutan di Shah Alam perlu diberi perlindungan demi keperluan ekologi, pendidikan, kesihatan dan rekreasi masyarakat setempat.

"Insya-Allah perkara ini akan menjadi perhatian saya kerana hutan adalah 'paru-paru bumi' yang mesti dipelihara bersama," katanya

Sedia kursus tingkat kemahiran

SHAH ALAM - Menyediakan kursus kemahiran khas untuk ibu tunggal satu lagi tumpuan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Parlimen Shah Alam jika menang kerusi itu.

Azli Yusof menjelaskan usaha itu bagi membantu meningkatkan ekonomi golongan terbabit yang terpaksa menyara keluarga bersendirian kerana ketiadaan suami.

"Sebelum ini pun kita pernah buat program begini tetapi kali ini kita mahu rancakkan lagi dan memastikan tiada ibu tunggal yang tercicir," katanya pada 12 November.

Terdahulu, beliau beramah mesra dan mengedarkan risalah kempen kepada 50 ibu tunggal dan warga emas di Dewan Cengal Seksyen 24 di sini.

Azli berdepan tiga lagi pencabar iaitu Dr Afif Bahardin (Perikatan Nasional), Isham Jalil (Barisan Nasional) dan Rafique Rashid (Pejuang) dalam pilihan raya.

Fokus masalah setempat

Atasi isu peluang kerja, bantu anak muda muflis

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	**JPS/N/SEL/S/ 17/2022** KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOLAM TAKUNGAN BANJIR DI SUNGAI AUR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	Terbuka	Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 & CE36** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **25HB NOVEMBER 2022** hingga **15HB DISEMBER 2022**	**RM270.00** Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **16HB DISEMBER 2022 (JUMAAT)** Jam 12.00 tengah hari
Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 24hb November 2022 (Khamis) jam 10.00 pagi. Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat JPS Klang, Jalan Tali Air, Kawasan 1, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan						
Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	**JPS/N/SEL/S/ 19/2022** PROJEK TEBATAN BANJIR SUNGAI KANDIS FASA 2, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	Terbuka	Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 & CE36** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **25HB NOVEMBER 2022** hingga **15HB DISEMBER 2022**	**RM730.00** Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **19HB DISEMBER 2022 (ISNIN)** Jam 12.00 tengah hari
Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 24hb November 2022 (Khamis) jam 2.30 petang. Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat JPS Klang, Jalan Tali Air, Kawasan 1, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan						

Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam laman web Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selewat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

HULU SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Hulu Selangor berpendapat isu pekerjaan dalam kalangan anak muda perlu dipandang serius.

Dr Sathia Prakash Nadarajan berkata golongan muda perlu diberi peluang dan latihan serta tunjuk ajar yang betul untuk mendapat pekerjaan sesuai.

"Lebih 5,000 kilang di Hulu Selangor, namun kebanyakannya warga asing dengan alasan rakyat Malaysia khususnya anak muda malas. Padahal anak muda kita tak diberi apa yang sepatutnya.

"Kalau diberi dengan tunjuk ajar yang betul, latihan yang betul, saya rasa persepsi anak muda kita malas tidak akan ada lagi," katanya dalam ceramah kelompok di sini pada 10 November.

Selain itu, Dr Sathia berkata isu muflis akibat kad kredit membabitkan anak muda juga tidak boleh dibiar berleluasa.

Beliau mencadangkan satu sistem diwujudkan untuk memberi pengetahuan pengurusan kewangan kepada golongan berkenaan.

"Saya pernah bertemu sekumpulan anak muda yang kata saya dapat kad kredit, sekarang saya bankrap (muflis). Ini salah siapa? Salah anak muda ke? Anak muda tak tahu bagaimana nak guna kad kredit.

"Kita perlu wujudkan satu sistem yang beri tunjuk ajar, apa yang perlu pinjam apa yang tak perlu pinjam supaya anak muda celik kewangan. Ini sangat penting," katanya.

Dr Sathia berdepan saingan enam penjuru iaitu Datuk T Mohan (Barisan Nasional), Hasnizan Harun (Perikatan Nasional), Harumaini Omar (Parti Pejuang Tanahair) dan Haniza Talha (Parti Bangsa Malaysia) serta seorang calon Bebas.

Derma gaji ke tabung

HULU SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Hulu Selangor bercadang untuk menderma gaji ahli parlimen ke Tabung Harapan Hulu Selangor yang diwujudkan untuk pembangunan rakyat di situ.

Dr Sathia Prakash Nadarajan berkata sebanyak 30 peratus daripada tabung diperuntuk kepada anak muda, 30 peratus untuk pembangunan dan meningkatkan kemahiran wanita manakala baki 40 peratus lagi untuk isu kesihatan.

Beliau menjelaskan dana dari tabung itu dapat disalur pada kadar segera tanpa kerenah birokrasi bagi membantu anak muda dan urusan kebajikan penduduk.

"Jika anak muda perlukan dana untuk sertai pertandingan sukan di luar negara atau perlukan alatan sukan, kita terus bantu. Kita tidak mahu kerenah birokasi bantutkan minat anak muda yang berpotensi harumkan nama negara.

"Begitu juga jika ada pesakit perlukan kerusi roda segera, kita terus salur bantuan sebaik terima maklumat. Kalau tunggu hendak hantar borang maklum perlukan kerusi roda, tidak tahu berapa lama pesakit baru dapat bantuan.

"Perkara ini (kecemasan) tidak boleh tunggu, duit gaji ini cara saya untuk bantu rakyat baiki kehidupan," katanya ketika mengumumkan manifesto HARAPAN Hulu Selangor pada 14 November.

Perjuang isu kesihatan

HULU SELANGOR - Menaik taraf dan memberi perkhidmatan kesihatan percuma antara misi calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Hulu Selangor jika menang kerusi berkenaan.

Dr Sathia Prakash Nadarajan berkata misi jangka panjang itu dapat meringankan beban ramai penduduk yang tidak mampu membeli polisi insurans.

"Sebab itu kita perlu dapatkan kesihatan secara percuma. Kalau kita jadi kerajaan, saya beritahu untuk jangka masa panjang, untuk 15 tahun akan datang, selesai tak masalah kita?

"Kita 'stress free', saya yakin rakyat tidak akan sakit lagi. Masalah selesai," katanya dalam ceramah kelompok di Bilik Gerakan Sungai Choh, Rawang.

SOKONG… Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bersama anak-anak muda di Program Tendangan Penalti di Bukit Cherakah, Kuala Selangor pada 13 November. Foto Facebook Dr Dzulkefly Ahmad

Ikhtiar bantu rakyat

Jangan terpedaya janji manis lawan

Oleh **AFEEQA AFEERA**

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (HARAPAN) meminta pengundi supaya tidak keliru dengan janji manis pihak lawan untuk memenangi pilihan raya umum ke-15.

Calon gabungan itu di Sungai Buloh Datuk R Ramanan berkata pemimpin sebaliknya perlu fikir dan berikhtiar untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek.

"Saya bukan memberi janji manis seperti pesaing saya yang menabur banyak janji untuk membuat itu ini di Parlimen," katanya dalam ceramah di Kampung Paya Jaras Hilir pada 8 November.

"Setiausaha politik Khairy Jamaluddin dari Sungai Buloh, apa sumbangan mereka kepada penduduk selama ini? Jangan kita jadi mangsa janji-janji manis."

Ramanan menjelaskan beliau bersama jenteranya terus aktif mendekati rakyat dan menguar-uarkan 10 tawaran gabungan tersebut jika diberi mandat kali ini.

Beliau menganggap tohmahan yang dilemparkan kepadanya tidak berasas tetapi tidak mematahkan semangat untuk berbakti kepada penduduk di kawasan tersebut.

"Apabila saya mempersoal beberapa skandal yang dikaitkan dengan calon lain, mereka (pihak lawan) senyap menikus malah mahu menyaman pula."

Filem Baahubali jadi pilihan

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Sungai Buloh meminati filem aksi epik India terkenal Baahubali: The Beginning yang ditayang pada 2015.

Diarah S S Rajamouli, filem dalam dua bahasa yakni Telugu dan Tamil itu menarik minat Datuk R Ramanan berikutan mesejnya memberi inspirasi untuk menegakkan keadilan.

"Baahubali: The Beginning banyak mesej penting kepada penonton antaranya ia memberi inspirasi dalam perjuangan untuk menegakkan keadilan," katanya.

Turut gemar membaca buku, Ramanan berkata naskhah kegemarannya berjudul 'The World of Watches' hasil tulisan Gilles Lhote dan Jean Lassausois.

Beliau yang bermain bola keranjang jika ada masa terluang juga mengikuti persembangan bola sepak tempatan Selangor FC dan kelab terkenal FC Barcelona.

Ramanan yang juga penggemar kopi dan nasi kandar turut meminati penyanyi lagu 'Bagaikan Puteri', Farra Arshad serta kumpulan Coldplay.

Pastikan anak muda ada kerja

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan Parlimen Kuala Selangor menawarkan latihan kemahiran pelbagai bidang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata ia sebahagian tawaran dalam manifesto khusus bagi memastikan golongan belia mendapatkan pekerjaan selepas tamat latihan.

"Kemahiran asas ini penting terutama kepada mereka yang tak suka belajar. Bukan semua mahu teruskan pelajaran. Jadi mereka kena didedahkan dengan kemahiran untuk dapatkan kerja dan jawatan.

"Hari ini kita lihat ramai anak muda tidak suka pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kita juga akan fokus ini kerana beri kerugian kepada negara. Kita mahu semai minat terhadap pendidikan STEM ini," katanya.

Dekati belia, dengar luahan masalah

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Kuala Selangor memanfaatkan program Saturday Night Fest di Puncak Alam pada 12 November bagi mendekati belia.

Program anjuran Kelab Anak Muda Puncak Alam memberi ruang kepada Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mendengar luahan mereka selain berkongsi perancangan sekiranya menang pada pilihan raya umum ke-15.

Beliau turut menjawab soalan berhubung beberapa isu antaranya politik dalam kalangan generasi muda serta wawasan dan misi sekiranya mendapat mandat rakyat.

Bermula 2.30 petang hingga 10 malam, program itu meyediakan beberapa aktiviti menarik antaranya senamrobik, pertunjukan motosikal lasak dan pertandingan e-sukan.

Lebih 1,000 belia menyertai program yang turut mengundang penyanyi lagu popular Casablanca, Nuha Bahrin dan Naufal Azrin.

Sedia dua bot, guna pengalaman jurutera

SHAH ALAM - Datuk R Ramanan menyediakan dua bot sebagai persediaan menyelamat dan memindahkan penduduk Parlimen Sungai Buloh jika berlaku banjir.

Calon Pakatan Harapan parlimen berkenaan juga memanfaatkan pengalamannya sebagai jurutera untuk mengenal pasti punca banjir kilat di Kampung Melayu Subang.

"Kita sudah teliti punca banjir semalam (10 November) dan jalan penyelesaian akan diumumkan malam esok. Pengalaman sebagai seorang jurutera memudahkan saya mengetahui punca kejadian ini," katanya.

Pada 10 November, sebanyak 120 rumah di Kampung Melayu Subang, Seksyen U6 terjejas banjir kilat selepas hujan lebat sejak 3.30 petang semalam.

Kota Raja jadi kubu kuat HARAPAN

SHAH ALAM - Pelbagai kemudahan dinikmati penduduk Selangor bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) sejak 2008.

Calon kerusi Kota Raja Mohamad Sabu atau dikenali Mat Sabu berkata situasi mendorong itu rakyat terus memberi sokongan padu kepada Kerajaan Negeri

"Sokongan semakin mantap pada 2013 dan semakin kukuh pada 2018. Kota Raja kekal menjadi salah satu kubu kuat kita dengan sokongan rakyat serta kerjasama erat jentera parti," katanya di Facebook pada 13 November.

Mat Sabu berdepan pertandingan lapan penjuru bagi mempertahan kemenangan 2018 di Kota Raja.

Sokongan padu di Pandan, Damansara

SHAH ALAM - Calon kerusi Pandan Rafizi Ramli terus mendapat sokongan padu daripada penduduk meski beliau sibuk berkempen di seluruh negara.

"Suasana berkempen di Pandan memang tidak panas dari dulu pun. Saya tidak banyak berceramah atau berucap di Pandan, lebih kepada berjumpa pengundi pelbagai kaum dan usia.

"Terima kasih kepada pengundi yang hadir untuk bertegur sapa dan masih ramai yang ingat saya semasa muda (10 tahun lepas) tatkala saya mula-mula bertanding di sini," katanya pada 13 November.

Calon kerusi Damansara Gobind Singh Deo pula berjanji memberi khidmat terbaik kepada pengundi jika terpilih sebagai ahli parlimen.

"Saya berterima kasih setiap sokongan dan dukungan setiap aktiviti ramah mesra bersama penduduk di Pasar Seri Setia, Sungai Way dan Pasar Basah Sea Park pada 13 November," ujarnya.

Tiga negeri terap politik matang

HULU LANGAT - Tiga negeri yang dipimpin Pakatan Harapan (HARAPAN) sudah lama menerapkan budaya politik matang dalam pentadbiran, kata calon gabungan itu di Parlimen Hulu Langat.

Mohd Sany Hamzan yang juga pengarah Biro Mobilisasi Amanah Nasional turut menyelar tindakan pemimpin politik yang sering menyerang DAP dan memainkan sentimen perkauman.

"Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan elok sahaja bersama DAP. Di Selangor sendiri sudah berapa lama kita bentuk kerajaan bersama DAP. Tiga EXCO Selangor dari DAP duduk bersama dalam Kerajaan Negeri dan memutuskan banyak dasar.

"Tidak pernah dasar itu membuatkan mana-mana kaum 'tersentuh' hati. Negara kita sudah 65 tahun merdeka. Patut kita bawa politik matang, sejahtera dan berintegriti. Malu pada anak-anak muda," katanya.

Mahu atasi masalah internet

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Tanjong Karang menerima pelbagai rungutan orang ramai termasuk masalah capaian internet sepanjang berkempen di situ.

Siti Rahayu Baharin menjelaskan masalah itu menjejaskan pelajar untuk mengikuti sesi pembelajaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa ketika pandemik Covid-19 sebelum ini.

Selain itu, beliau yang lebih dikenali sebagai Cikgu Rahayu juga menerima keluhan berkaitan ketiadaan lampu di Jalan Raja Musa, daripada Pekan Tanjong Karang ke Sungai Tengi.

"Saya akan berusaha untuk lakukan dengan secekal jiwa saya, dan saya mohon berikan saya peluang untuk berkhidmat," katanya dalam program ziarah rumah ke rumah masyarakat India di Taman Tennamaram, Kuala Selangor pada 12 November.

Berkonvoi bersama kira-kira 60 kenderaan ketika bertemu penduduk di Parit 4, beliau mendengar maklum balas selain menerangkan 10 Rawaran Harapan di Tali Air 3 Ban 1 Sungai Burung.

"Saya akan mengembeleng tenaga membela nasib penduduk Tanjong Karang sekiranya terpilih kelak," katanya di Facebook pada 13 November.

Beliau berdepan saingan lima penjuru melibatkan Azlan Sani Zawawi (Pejuang-Gagasan Bangsa), Kapt (B) Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (PN), Datuk Habibah Mohd Yusof (BN) dan calon bebas Mohd Rosni Mastol.

Calon mahu tolong 400 penduduk

Mangsa bah belum terima bantuan pusat

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

HULU LANGAT - Mohd Sany Hamzan tekad memperjuang nasib hampir 400 mangsa bah yang belum menerima bantuan kerajaan persekutuan jika menang pada 19 November.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Hulu Langat mengakui sedih apabila mendapat tahu mangsa menunggu hampir setahun untuk menerima bantuan RM5,000.

"Saya difahamkan mangsa yang tidak dapat lagi bantuan ialah 300 penduduk di Taman Seri Nanding, Batu 16 ada 70 penduduk dan Batu 17 kira-kira 10 penduduk. Sehingga kini tiada berita diterima, amat mendukacitakan kita.

"Kerajaan pusat telah memperuntukkan lebih RM2 bilion melalui Bantuan Banjir Keluarga Malaysia, jadi tolonglah segerakan pemberian berkenaan," katanya di Kampung Sungai Serai di sini pada 11 November.

"Angka itu (peruntukan) dibincang bukan tepi jalan atau kedai mamak. Semestinya melibatkan pelbagai agensi terutama kewangan. Oleh itu selesaikan masalah ini segera, bukan sekadar cakap sahaja."

Hulu Langat antara daerah terjejas teruk di Selangor susulan kejadian banjir besar pada 18 Disember tahun lalu.

Susulan kejadian itu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 31 Disember mengumumkan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia.

Belum dapat insentif kerajaan pusat

HULU LANGAT - Hampir setahun menanti, penduduk Kampung Sungai Serai di sini masih belum menerima bantuan banjir yang dijanjikan kerajaan persekutuan.

Ketua Kampungnya Zainuddin Muhamad Tasar berkata kejadian banjir besar pada 18 Disember tahun lalu menjejaskan lebih 80 peratus penduduk di kawasan berkenaan.

"Kejadian berlaku hampir setahun lalu tapi kami kesal kerana sehingga kini bantuan bencana banjir RM5,000 yang dijanjikan masih belum diterima. Awalnya mereka kata masalah borang, kami cuba isi semula.

"Beberapa kali juga saya dan penduduk lain cuba 'follow up' tapi sampai sekarang masih tak terima jawapan, sekarang boleh kata hampir 400 penduduk yang masih menanti bantuan tersebut," katanya.

Namun, Zainuddin berkata pihaknya bersyukur berikutan Bantuan Selangor Bangkit (BSB) RM1,000 daripada Kerajaan Negeri sudah diterima dan selesai pada awal tahun ini.

"Saya amat berharap supaya YB (Mohd Sany) dapat membantu menyelesaikan masalah ini," katanya lagi.

Noor Azam Mohamad yang juga penduduk Kampung Sungai Serai sedih kerana sudah banyak wang dibelanja untuk membaiki rumahnya yang rosak akibat banjir besar setinggi lima kaki.

"Memanglah kalau ada yang kata RM5,000 apa sangat, tapi pada kami jumlah berkenaan banyak. Boleh tampung beli barang rumah yang rosak. Sekarang sudah setahun berlalu.

"Saya harap kalau YB Mohd Sany menang parlimen di sini, tolonglah bantu kami selesaikan masalah ini. Sekarang pula musim hujan, ikutkan takut juga kalau banjir sekali lagi, tapi apa boleh buat, redha sahaja," katanya.

Pada 31 Disember lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaan akan membaik pulih kediaman mangsa bah menerusi Bantuan Banjir Keluarga Malaysia.

Antara insentif ditawarkan termasuklah bantuan tunai sehingga RM5,000 bagi setiap keluarga untuk kerja pembaikan rumah kepada mangsa banjir yang mengalami kerosakan tidak serius.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan dana RM100 juta sebagai dana program Selangor Bangkit.

Selain pemulihan prasarana, peruntukan itu turut membabitkan bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi baik pulih semula kediaman.

Saipolyazan melawat pesakit ketika program Ziarah Medik di Parit 10 Barat, Sabak Bernam pada 11 November. Foto Facebook Saipolyazan M Yusop

Sedia rantaian industri

Tangani isu anak muda berhijrah

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

SABAK BERNAM - Isu kian ramai golongan muda berhijrah keluar dari Sungai Besar bagi mendapatkan pekerjaan lebih baik mendapat perhatian Saipolyazan M Yusop.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Sungai Besar itu berkata antara langkah bagi mengatasi isu itu dengan menyediakan rantaian industri yang berpotensi untuk dimajukan.

"Kita lihat beberapa perkara kena tangani antaranya rantaian industri kerana kita tengok potensi di sini banyak seperti industri kecil dan sederhana, pelancongan, pendidikan dan sebagainya.

"Jadi kita masukkan perkara ini dalam 10 tawaran HARAPAN Sungai Besar supaya dapat tawarkan lebih banyak peluang pekerjaan," katanya di Parit 2, Sungai Panjang di sini pada 11 November.

Beliau juga fokus mahu meningkatkan tahap kemahiran anak muda dalam bidang masing-masing supaya dapat memenuhi peluang pekerjaan apabila rantaian industri diwujudkan.

Selain itu, beliau juga memberi perhatian kepada golongan muda yang berminat dengan perternakan dan pertanian moden.

"Anak muda di sini juga ramai yang minat menternak dan bertani hingga ada yang terlibat dalam fid lot dan sebagainya.

"Kita cuma perlu tingkatkan infrastruktur dan pertanian berteknologi supaya meningkatkan hasil dan pendapatan. Cara ini dapat kurangkan penghijrahan belia ke bandar kerana peluang di sini dah semakin banyak," katanya.

Dana besar, tingkat syiar Islam

HULU LANGAT - Peruntukan tinggi untuk hal ehwal agama Islam dan suburnya kegiatan keagamaan di Selangor membuktikan Pakatan Harapan (HARAPAN) bukan dikuasai DAP sebagaimana tohmahan pihak tertentu.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Bangi Syahredzan Johan, 34, juga yakin pengundi terutama di negeri ini tidak mudah terpengaruh dengan dakwaan tidak berasas itu meski ia sering diulang-ulang pihak lawan.

"Kita boleh nampak di Selangor, semua masjid diimarah. Semua masjid dapat peruntukan, tanyalah orang Selangor, mereka semua tahu.

"Di mana kita kurangkan peruntukan untuk agama Islam? Malah, kita semarak lagi apa yang ada, kita beri peruntukan," katanya ketika berkempen di Pasar Pagi Kampung Baru Batu 11, di sini pada 12 November.

Menegaskan dakwaan larangan azan di masjid dan surau sebagai tidak benar sama sekali, Syahredzan berkata pimpinan HARAPAN termasuk DAP berulang kali memberi penjelasan terhadap fitnah tersebut.

"Ini membuktikan semua ini propaganda untuk memecah belah pengundi Melayu hingga mereka kata kita kurangkan peruntukan, sampai ada orang kata tidak boleh laungkan azan di kawasan bawah DAP," katanya.

Latihan kembang produk IKS

SABAK BERNAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Sungai Besar berhasrat menyediakan program latihan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) untuk memajukan produk mereka.

Menurut Saipolyazan M Yusop, perkara tersebut dibincangkan bersama EXCO Pengguna dan Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni untuk membantu produk tempatan menembusi pasaran luar.

"Kita akan beri latihan supaya mereka dapat majukan produk ikut piawaian. Ia bagi memastikan produk Sungai Besar dipasarkan bukan sahaja dalam negara malah ke luar negara," katanya pada 11 November.

Seruan khutbah jadi panduan kempen

SABAK BERNAM - Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Selangor yang menyeru calon pilihan raya berkempen dengan adab, akhlak dan semangat ukhuwah menjadi pedoman buat Saipolyazan M Yusop.

Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Sungai Besar itu yakin pendekatan memberi tawaran terbaik termasuk tidak menyerang calon lawan senjata terbaik bagi memenangi hati pengundi yang disifatkannya bijak dan bermaklumat.

"Jadi kalau kami amal politik menyerang tentu tidak sihat untuk penduduk Sungai Besar. Kami tawarkan apa yang boleh kami beri," katanya di Masjid Nuruddiniah, Parit 2 Sungai Hj Dorani.

Khidmat guaman, kesihatan mental

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Bangi menawarkan perkhidmatan klinik guaman pencuma jika menang Pilihan Raya Umum ke-15.

Syahredzan Johan berkata inisiatif tersebut antara intipati dalam tiga teras utama yang disediakan kepada penduduk di Parlimen Bangi.

"Antara tiga teras utama, pertama adalah kehidupan sejahtera dengan penumpuan infrastruktur pendidikan, jaringan pengangkutan awam cekap, tambah baik perancangan pencegahan banjir dan taman riadah.

"Teras kedua adalah untuk masyarakat terjaga melibatkan klinik guaman percuma, program kesihatan mental serta perkhidmatan parlimen cekap," katanya menerusi perkongsian video di Facebook."

Beliau berkata teras ketiga yang ditawarkan adalah membantu peniaga kecil dengan program latihan serta peluang pekerjaan dengan kerjasama institut pengajian tinggi dan industri.

Pelajar teruja bantuan komputer riba 2
10,000 dos vaksin untuk warga emas 3
'Rider' hargai usaha sedia pusat rehat 4
Pastikan penduduk terima bantuan bah 22
Tangani isu anak muda hijrah cari kerja 23

selangorkini

Cuti 18-19 Nov mudahkan pengundi

SHAH ALAM - Kerajaan mengumumkan 18 dan 19 November sebagai hari kelepasan am bagi memudahkan urusan pengundi menunaikan tanggungjawab pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata 19 November turut diumum sedemikian kerana terdapat kemungkinan syarikat-syarikat swasta, terutamanya kilang yang tidak tutup pada hari berkenaan, menyebabkan pekerja mereka tidak boleh mengundi, lapor Bernama.

"Hak mengundi adalah hak yang dijamin oleh perlembagaan dan saya tidak mahu satu orang pun yang dihalang daripada mengundi," katanya yang turut mengumumkan tarikh gaji awal penjawat awam pada 17 November.

Panduan mengundi individu positif

SHAH ALAM - Individu positif Covid-19 yang akan mengundi diwajibkan memakai pelitup muka dan mereka dilarang menaiki kenderaan awam termasuk e-panggilan, kata ketua pengarah kesihatan.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata mereka juga tidak dibenarkan singgah ke mana-mana sebelum dan selepas mengundi serta pulang ke rumah sebaik selesai menunaikan tanggungjawab itu.

Bagi memastikan proses berjalan lancar dan selamat termasuk mengurangkan risiko jangkitan, beliau berkata pengundi positif perlu mematuhi penjarakan fizikal selain menggunakan alatan nyahkuman yang disediakan, lapor Bernama.

Katanya, petugas kesihatan juga akan ditempatkan di pusat pengundian bagi membantu urusan pengundi positif dan mereka dinasihati supaya mematuhi nasihat petugas berkenaan.

DEKAT... Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Ampang Rodziah Ismail mengedar risalah kempen kepada penduduk di Pangsapuri Mesra Ria, Ampang Jaya pada 9 November. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

▶BERITA MUKA 5

Ribut petir sebelah petang di 22 kawasan parlimen

Keluar undi pagi

Oleh **AFEEQA AFEERA**

SHAH ALAM - Orang ramai di semua 22 kerusi parlimen di Selangor digalakkan keluar awal sebelah pagi untuk membuang undi pada 19 November kerana ribut petir dijangka terjadi pada petang.

Pada sebelah pagi, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada 14 November memaklumkan hujan pula dijangka berlaku di kawasan parlimen Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kapar, Klang dan Kuala Langat.

Dalam makluman sama, cuaca mendung pula diramal akan berlaku di Sungai Besar, Tanjong Karang, Kuala Selangor, Shah Alam dan Kota Raja. Di kawasan lain dijangka tiada hujan di sebelah pagi.

Bagaimanapun, pada sebelah petang semua kawasan termasuk Selayang, Gombak, Ampang, Pandan, Hulu Langat, Bangi, Puchong, Subang, Damansara, Petaling Jaya, Sungai Buloh dan Sepang mengalami ribut petir.

Untuk maklumat lanjut ramalan ini boleh didapati di laman sesawang MetMalaysia pada pautan www.met.gov.my/info/pru15/

Susulan itu, orang ramai dinasihatkan membawa payung, pelitup muka dan air minuman kerana pemilih dijangka beratur panjang. Kesesakan lalu lintas selalunya berlaku di luar pusat mengundi dan diburukkan lagi oleh faktor hujan.

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor